



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُوتِنَبْرُسِيَّتِي إِسْلَامِيَّةً أَنْبَاءُ رَيْجَسِيَّا مُلْدِيَّتِيَّا

PERTUNANGAN ORANG-ORANG ISLAM
DI PERAK

DIAUDDIN BIN ABD. MANAN

KULIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA

PERTUNANGAN ORANG-ORANG ISLAM

DI PERAK

D

L

E

H

DIAUDDIN BIN ABD. MANAN

#

#

#

#

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
BAGI MEMENUHI SYARAT-SYARAT MENDAPATKAN DIPLOMA
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM.

SESSI 1992/1993

Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t. Tuhan yang mencipta seluruh alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Penghulu seluruh alam serta keluarga dan para sahabat baginda sekalian.

Sebagai Permulaan penulis mengucapkan syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana limpah kurnia-Nya dan dengan Izin-Nya penulis dapat menyiapkan kertas projek ini yang telah ditentukan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa sebagai memenuhi syarat mengikuti Pengajian Kursus Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Penulis mengucapkan terima kasih kepada yang berbahagia Ustaz Haji Abd. Wahab bin Haji Hamid selaku Penyelia di dalam penulisan ini. Tidak terbalas budi dan tenaganya yang dicurahkan bagi membimbing penulis baik dari segi tunjuk ajar, buah fikiran, masa dan sebagainya, terserah kepada Allah s.w.t. untuk membalasnya.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Pensyarah khususnya di Kuliah Undang-

Undang Universitas Islam Antarabangsa Malaysia yang banyak memcurahkan ilmu pengetahuan kepada penulis selama berada di universiti ini.

Sesungguhnya yang baik datangnya dari Allah s.w.t. dan yang lemah di dalam penulisan ini datangnya dari penulis sendiri, semoga usaha yang dilakukan ini mendapat kebajikan dari Allah s.w.t.

ISI KANDUNGAN

| | | |
|----------------------|--|------------|
| Kata Pengantar | iii | |
| Daftar isi | v | |
| Pendahuluan | vi | |
| | | |
| BAB I | PENGERTIAN PERTUNANGAN | MUKA SURAT |
| | a) Secara Umum | 1 |
| | b) Menurut Islam | 3 |
| | c) Menurut Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 1984 | 9 |
| | d) Hukum Pertunangan | 11 |
| | | |
| BAB II | PERLAKSANAAN PERTUNANGAN | |
| | a) Menurut Islam | 15 |
| | b) Menurut Adat | 57 |
| | b) Menurut Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 1984 | 67 |
| | | |
| BAB III | LARANGAN PEMINANGAN DAN PEMBATALAN | |
| | a) Perempuan-perempuan yang dilarang dipinang. | 69 |
| | b) Pembatalan Pertunangan | 71 |
| | c) Ganti rugi | 76 |
| | | |
| BAB IV | KESIMPULAN DAN SARANAN | 79 |

Pendahuluan

Tujuan penulis memilih tajuk *Pertunangan Orang-Orang Islam di Perak* adalah memandangkan kedudukan pertunangan itu sendiri adalah sesuatu tuntutan di dalam Islam dan adalah langkah pertama bagi mengikat pasangan yang akan mendirikan rumahtangga dan pertunangan juga telah menjadi satu peraturan yang tersebut di dalam *Enakmen Keluarga Islam Perak 1984*. Yang mana didalam masyarakat kini kerap kali berlaku salah guna dan tidak dilakukan menurut yang sebenarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam dan Undang-undang. Adalah perlu diperjalaskan bagi penyelesaian permasalahan mereka dan dapat diatasi mengikut secara Islam dan mengikut Undang-Undang Keluarga Islam Perak 1984.

Di dalam usahan untuk menyiapkan Kertas Projek ini pada keseluruhanya penulis membahagikan kajian ini kepada tiga (3) bab.

Dalam Bab Pertama menyentuh pengertian pertunangan secara umum, menurut Islam, menurut *Enakmen Keluarga Islam Perak 1984* dan menyentuh mengenai hukum pertunangan.

Manakala Bab Kedua pula menyentuh mengenai pelaksanaan pertunangan menurut adat, menurut

Enakmen Keluarga Islam Perak 1984 dan seterusnya menurut pandangan Islam.

Dalam Bab Ketiga menyentuh mengenai larangan peminangan dan pembatalan, Perempuan-perempuan yang dilarang dipinang, pemberian atau pemulangan kerana putus tunang, ganti rugi diatas persediaan perbelanjaan kahwin yang tidak dapat dilaksanakan.

Seterusnya berakhir dengan Bab Keempat mengenai kesimpulan dan pandangan penulis dari segi pelaksanaan pertunangan orang-orang Islam di Perak dan aturcara-aturcara yang terdapat di dalam Peruntukaan Enakmen Keluarga Islam Perak 1984 yang mana memberi kesan positif terhadap masyarakat serta orang ramai serta menjelaskan tuntutan-tuntutan yang terdapat di dalam pertunangan menurut Hukum Syarak itu sendiri.

Semoga dengan penulisan Kertas Projek yang serba kekurangan ini dapat memberi faedag dan manfaat kepada pembaca khususnya masyarakat Islam di Perak.

BAB I
PENGERTIAN PERTUNANGAN

BAB I

PENGERTIAN PERTUNANGAN

a) Pengertian Pertunangan Secara Umum.

Bertunang atau meminang bermaksud seseorang lelaki atau wakilnya dari keluarganya melahirkan melahirkan hasrat hatinya untuk berkahwin dengan seorang wanita yang tertentu untuk menjadi bakal isterinya.¹ atau

Suatu pernyataan atau permintaan dari seorang lelaki kepada pihak perempuan untuk mengahwininya baik dilakukan olehnya sendiri atau dengan perantaraan pihak-pihak tertentu yang dipercayai ataupun keluarganya bersesuaian dengan kehendak syarak²

1 - Al-Duktur Wahban al-Zuhaili, al-Fiqh al-Islami Wa-Adilatuh Juz 7 Cet. 2 1405H/1985M. Dan al-Fir m/s10

2 - Al-Khatib as-Syeikh Mohd. Say Syarbini Muskim Muntaz Juz. 3 airut Dar Inya al-Taurath al-Arabi hlm. 135 - 136.

Meminang

Adalah sebagai pendahuluan dalam rangka untuk menuju alam perkahwinan, Islam telah menggariskan agar setiap pihak (bakal suami & Isteri) mengenali antara satu sama lain, agar pelaksanaan perkahwinan nanti benar-benar mempunyai kualiti atau nilai yang tinggi dan tidak timbul penyesalan kerana tersilap pilih dan sebagainya.³

Peminangan pula ialah lamaran dari pihak lelaki untuk berkahwin dengan perempuan tertentu, pihak lelaki akan mengemukakan kepada pihak perempuan akan hasrat hatinya.⁴

3 - Al-Sayyid Sabiq, Fiqh al-Sunah Jilid 2 Cet. 3
1397H/1977M. Dar al-Kitab al-Arabi Ludman m/s 24

4 - Al-Ustaz Mohd. Mansor bin Kiyai Masyhadi Cet. II
1991M Jiwa Perintis Selangor m/s 30

b) Pengertian Pertunangan Menurut Islam.

Adalah langkah pertama yang menentukan sebelum terjadinya akad nikah, sebelum lelaki meminang wanita maka hendaklah ia sudah yakin bahawa pilihannya itu tepat dan telah ditinjau dari pelbagai segi agar tidak terjadi sebarang kemungkinan dimana ia akan menarik kembali pinangan yang telah diajukan itu. Ini kerana tindakan seperti itu akan menyakiti hati seseorang wanita, melukai perasaannya dan menjatuhkan kehormatannya.

Meminang ialah cara yang dilakukan oleh seseorang lelaki bagi menyampaikan hasrat dan keinginannya hendak memperisterikan seorang wanita secara terbuka dan terus terang, baik dilakukan sendiri atau melalui perantaraan keluarganya atau sahabatnya yang dapat dipercayai.

Untuk itu satu hal yang sangat perlu diperhatikan ialah seorang lelaki hendaklah memilih waktu yang sesuai dengan keadaan wanita yang hendak dipinangnya agar pinangannya itu diredhai Allah dan Rasul-Nya. Dan akan dapat mewujudkan suatu perhubungan yang seerat-eratnya serta saling mengerti dengan sebaik-baiknya di antara keluarga masing-masing sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Lelaki yang hendak mengajukan pinangan harus menghindari hal-hal yang dapat memutuskan hubungan persaudaraan dengan orang lain atau menyakiti hati teman atau sahabat atau hal-hal lainnya yang akan menimbulkan kebencian orang lain.

Jika pinangan yang dilakukannya itu akan mengakibatkan hal-hal buruk seperti itu lelaki berkenaan telah berbuat dosa terhadap dirinya sendiri kerana menghalang hak orang lain dan melanggar batas-batas yang telah ditentukan oleh Allah. Pinangan seperti itu tidak akan memperolehi sebarang keuntungan.⁵

5 - Muhamad Ali Qutb, Mutiara Perkahwinan Menurut Agama Islam - terjemahan - alih bahasa dari edisi bahasa Arab oleh Hj. Taib Azzamuddin Mohd. Taib, Hj. Hassan Mohd. Yassin, Hj. Abd. Majid bin Hj. Jaafar, T Muhammad, Cet. Pustaka Hj. Abd. Majid m/s. 122

Pemilihan bakal isteri/tunang.

Sebelum melakukan peminangan seseorang lelaki itu terlebih dahulu hendaklah mempunyai ketetapan memilih dan memantapkan di dalam hatinya yang mana benar-benar telah berkenan kepada seseorang perempuan yang ingin dipinangnya.

Diantara sifat-sifat yang mesti diutamakan di dalam memilih jodoh ialah:-

- a. Hendaklah wanita yang berpegang kuat dengan ajaran agama.
- b. Wanita yang dipinang itu hendaklah wanita yang mempunyai sifat kasih sayang dan berketurunan ramai anak. Sesungguhnya sifat-sifat itu sememangnya disarankan oleh Islam.
- c. Wanita yang dipinang itu juga tidak mempunyai hubungan kerabat yang dekat.
- d. Wanita itu hendaklah diketahui juga hal jasmaninya sihat, berakhlak mulia dan sebagainya. Ada pun bagi perempuan yang dipinang itu seharusnya juga mengetahui bakal tunang yang meminangnya.

Kedapatan juga beberapa perkara yang amat diambil berat oleh syarak dalam soal pinang-meminang ialah:-

- a. Peminangan tidak boleh dilakukan kepada wanita yang telah dipinang oleh orang lain, melainkan

ianya telah melepaskan pinangannya itu.

لا يخطب الرجل عن خطبة اخيه حتى يترك المحاطب
قبله او ياذن له .

Maksudnya :

Tidak boleh meminang seorang lelaki atas pinagan saudaranya sehingga telah ditinggalkan oleh tunangnya.

- b. Haram seseorang lelaki meminang dengan cara terus terang perempuan yang didalam eddah sama ada eddah rajie, eddah bain atau eddah wafat (mati) dan haram meminang dengan cara sindiran perempuan yang didalam eddah rajie.

Dan dibolehkan meminang secara sindiran perempuan yang didalam eddah wafat (mati) dan juga meminang perempuan didalam eddah bain, ianya tidak harus dipinang sama ada secara sindiran atau terus terang kerana harus pinang sindiran hanya khusus kepada yang mati suami sahaja.

Seperti mana yang dijelaskan dalam al-Quran, Allah s.w.t. berfirman :

قال الله تعالى .

ولا جناح عليكم فيما عرضتم به من خطبة النساء
او كنتم في انفسكم - القرآن . سورة البقرة .

Maksudnya :

Dan tidaklah ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam edah) atau kamu menyimpan dalam hati keinginan berkahwin dengan mereka⁶

- c. Wanita yang akan dipinang bukanlah mahramnya yang mana dilarang di dalam perkahwinan.⁷

Tujuan Pertunangan

Di antara tujuannya:-

- a. Perseetujuan mengikat janji untuk perkahwinan.
- b. Untuk menghebahkan kepada masyarakat sekeliling.
- c. Supaya dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara keluarga dua belah pihak.
- d. Hendak melahirkan sikap jimat cermat dalam berbelanja kepada yang lebih mustahak sahaja.
- e. Untuk menentukan kadar mahar (Mas Kahwin) dan lain-lain pemberian.
- f. Untuk menentukan tarikh, tempat dan hari perkahwinan yang dipersetujui.

6 - Al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 235

7 - Muhammad Abu Zuhrah al-Ahwal Syakhshiah Darul Fikri. Cet. 3. Him. 30.

Bagi tujuan di atas untuk mengelakan dan mengukuhkan lagi ikatan pertunangan supaya tidak berlaku perkara yang tidak disenangi kemudian hari yang timbul dikalangan lelaki terhadap bakal tunangnya. Adalah dibolehkan mengikut Hukum Syarak melihat iaitu melihat perempuan yang akan menjadi bakal tunangnya.⁸

⁸ - Al-San'ani, al-Imam Muhammad b. Ismail al-Kahlani Subulussalam. Cet. 4 Juz. 3 Misr. Mustapa al-babi Wa-Auladuhu 1379H/1955M him. 113.

c. Pertunangan Menurut Enakmen
Keluarga Islam Negeri Perak.

Tidak terdapat taarif pertunangan di dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 1984 yang lebih tepat ianya adalah menyentuh mengenai yang lebih umum bagi mengkanunkan peruntukan-peruntukan tertentu Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 1984 mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, hak penjagaan dan lain-lain perkara berkaitan dengan kehidupan keluarga.⁹

Didalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 1984 iaitu:-

Pertunangan ialah ikatan sesuatu perjanjian pertunangan mengikut hukum syarak sama ada secara lisan atau bertulis juga sama ada secara bersendirian atau melalui orang perantaraan.

Di dalam enakmen ini hanya menyentuh sedikit mengenai pertunangan iaitu sebagai ikatan pertunangan di antara dua pihak sama ada dengan cara lisan atau pun bertulis atau pun juga melalui perantaraan wakil ke pihak-pihak tertentu.

Apabila ikatan persetujuan telah dicapai oleh kedua-dua pihak maka kedua-dua pihak telah pun mengikat perjanjian pertunangan di bawah Enakmen

Keluarga Islam Negeri Perak 1984.

Enakmen ini secara langsung mengikat antara kedua belah pihak yang mana ianya mempunyai hubung kait dengan Enakmen ini yang tertakluk di bawahnya dengan pemakaian di dalam seksyen yang berkenaan.

Di dalam pemakaian Enakmen ini hendaklah ianya dipakai bagi semua orang yang beragama Islam yang bermukim dalam Negeri ini dan semua orang yang beragama Islam yang bermastautin di dalam negeri ini tetapi bermukim di luar Negeri ini.¹⁰

9 - Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 1984

10 - Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 1984 m/s 50 & 54 Sek. 4 dan Sek. 13

d. Hukum Pertunangan

Seseorang lelaki yang sudah bercita-cita hendak mengahwini seseorang perempuan disunahkan dia meminang perempuan itu. Tetapi sebelum meminang itu ia disunahkan juga melihat perempuan itu tadi. Demikian juga perempuan tersebut disunahkan melihat lelaki itu untuk menguatkan hati masing-masing.

Dengan cara melihat itu mereka bolehlah berjumpa dan bercakap-cakap tetapi perjumpaan itu hendaklah di hadapan kerabat bagi perempuan tadi tidak secara berasingan dengan mengikut cara dan adab yang benarkan oleh syarak.

Ada pun cara berjumpa dengan bersendirian sahaja itu patutlah jangan dilakukan oleh tiap-tiap muslimin yang beriman kerana beberapa sebab:-

- i. Tidak elok pada pandangan orang tua mereka dan pada syariah dan adab orang kita.
- ii. Haram di dalam Islam.

Kerap kali terdapat kes-kes di mana bakal isteri menjadi mangsa korban nafsu serta tertipu kerana tabiat perempuan terutama yang masih muda sangat lemah semangatnya dan mudah terpedaya dengan pujuk rayu lelaki. Dan apabila lelaki tersebut telah mendapat apa yang diingini, maka perempuan tersebut akan

ditinggalkan begitu saja dan terpaksa menanggung malu di atas ketelanjangan mereka itu. Oleh sebab itulah pertemuan antara lelaki dan perempuan tanpa kehadiran keluarga patut dielakkan bagi menjauhkan diri dari tercebur kekancah maksiat.

Pada zaman kemajuan sains dan teknologi ini terdapat pihak yang melakukan perkahwinan percubaan sebelum berakad nikah. Kahwin percubaan ini dilakukan dengan menguji persefahaman terlebih dahulu iaitu kedua bakal suami isteri boleh bercampur gaul dan tinggal serumah, makan minum dan tidur bersama di dalam jangka masa yang ditetapkan, sebulan atau dua bulan umpamanya.

Manakala telah cukup tempoh tersebut jika tidak merosakan perhubungan kedua-dua pihak itu baharulah mereka akan berakad nikah mengikut hukum agama atau Hukum Negeri.

Tetapi siapakah lelaki atau wanita yang dapat menahan nafsu setelah bercampur gaul yang seumpamanya itu didalam tempoh yang panjang dengan tidak berlaku apa-apa yang mencemarkan maruah mereka.

Disini patut juga diingatkan kepada pasangan yang suka mencari jodoh tanpa pengetahuan ibu bapa bahawa perbuatan atau kelakuan yang tersebut itu banyak bahayanya. Kadangkala mengakibatkan timbul kemarahan ibu bapa dan boleh memutuskan tali kasih sayang di antara kerabatnya. Kedapatan banyak pula yang menyesal kemudiannya. Yang lebih penting daripada itu ialah perbuatan seumpama itu adalah dilarang keras oleh agama.

Peminangan di dalam Islam merupakan satu peraturan untuk mencari dan mendapat persetujuan seseorang wanita untuk dikahwini. Ia berhak menerima pinangan tersebut jika bersetuju atau menolaknya jika enggan. Peminangan seseorang itu tidak semestinya diterima. Sekiranya ditolak lelaki hendaklah bersabar kerana perkara yang berkait dengan jodoh ada sedia diatur oleh Allah dan tercatat di dalam Luh Mahfuz.

Walau bagaimana pun hendaklah ia berusaha dan berikhtiar dan jangan putus asa, sebaliknya kekuatan agama dan berusaha untuk mendapatkan gantinya adalah perlu. Sikap berputus asa adalah bukan dari ajaran Islam.

Sebelum peminangan dilakukan pastikan perkara-perkara di bawah ini diambil perhatian:-

- Pertama : Bukan isteri orang.
- Kedua : Bukan dari yang muhrim Sama ada keturunan atau susuan.
- Ketiga : Tidak di dalam eddah.
- Keempat : Bukan tunang orang.¹¹

11 - Ustaz Abd. Rauf Dalip - Syarat-syarat Nikah menurut Islam Memilih Jodoh Cet: Pustaka Jaya Petaling Jaya 1/1990 m/s. 13

BAB II

PERLAKSANAAN PERTUNANGAN

BAB 2

PERLAKSANAAN PERTUNANGAN

a) Perlaksanaan Pertunangan Menurut Islam.

Kebiasaan sebelum peminangan dilakukan oleh pihak lelaki, wakilnya atau perantaraannya dan juga pihak perempuan perlu memastikan kedudukan keturunan dan meneliti asal usul keluarga bakal tunangan masing-masing supaya peminangan itu nanti dapat ditentukan keturunan dan mengetahui asal usulnya sebagai mana yang dituntut oleh syarak.

Sebelum meminang seorang lelaki harus melihat perempuan yang akan dipinangnya iaitu pada bahagian muka dan dua tapak tangan sahaja. Manakala perempuan pula boleh melihat lelaki (bakal tunangnya) sekadar anggota-anggota yang telah diluluskan oleh syarak selain daripada aurad ini bertujuan untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya agar kedua-dua dapat menepati kehendak dan maksud masing-masing serta tidak akan menyesal kemudian hari.

Menurut pendapat jumah ulamak melihat perempuan dengan tujuan meminang hanya tertentu pada muka dan dua tapak tangannya sahaja. Kerana dengan melihat muka dapat diketahui kecantikan raut muka serta paras rupa calon isteri atau sebaliknya. Sementara melihat dua tapak tangan bertujuan untuk mengetahui kesuburan badan.